



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PENCARIAN MAKLUMAT DAN IKLIM KOMUNIKASI
DI KALANGAN PEKERJA PENGEMBANGAN BARISAN HADAPAN
LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)**

SYD ABDULLAH BIN SYD HASHIM

FEM 1997 10

**PENCARIAN MAKLUMAT DAN IKLIM KOMUNIKASI
DI KALANGAN PEKERJA PENGEMBANGAN BARISAN HADAPAN
LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)**

SYD ABDULLAH BIN SYD HASHIM

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

1997



**PENCARIAN MAKLUMAT DAN IKLIM KOMUNIKASI
DI KALANGAN PEKERJA PENGEMBANGAN BARISAN HADAPAN
LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)**

OLEH

SYD ABDULLAH BIN SYD HASHIM

**Tesis Yang Dikemukakan Untuk Memenuhi
Sebahagian Daripada Syarat Mendapatkan
Ijazah Master Sains Di Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia**

SEPTEMBER 1997



PENGHARGAAN

Assalamualaikum,

Syukur saya kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya dapat saya menyiapkan kajian ini. Di ruangan ini saya mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Dr Narimah Ismail, Dr Musa Abu Hassan dan Dr Ezhar Tamam di atas nasihat dan bimbingan yang mereka berikan untuk menyempurnakan penulisan tesis ini.

Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada Dr Bahaman Abu Samah, Dr Saodah Wok, Encik Mohamad Salleh dan rakan sekuliah yang sudi memberikan buah fikiran dan pandangan untuk membantu saya menyiapkan penyelidikan ini. Semoga Allah sentiasa memberi taufik dan hidayah kepada mereka untuk berbakti kepada insan lain.

Jutaan terima kasih ditujukan kepada pihak pengurusan MADA yang telah memberi kebenaran dan bantuan kepada saya untuk menjalankan penyelidikan ini. Kepada kakitangan MADA yang sudi menjadi responden dalam kajian ini saya hulurkan ucapan yang sama. Kepada Encik Zainuddin dan Mohamad Bakar

diucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana membantu saya menjalankan pengumpulan data untuk kajian ini. Ucapan yang sama saya panjangkan kepada Tuan Haji Ariffin bin Abu dan keluarga kerana membenarkan saya tinggal di rumah mereka semasa pengumpulan data. Hanya Allah sahaja dapat membalas budi baik yang kalian berikan. Semuga persahabatan kita berpanjangan sehingga ke akhir hayat.

Setinggi-tinggi penghargaan saya berikan kepada Felda dan Jabatan Perkhidmatan Awam yang telah memberi peluang kepada saya untuk mengikuti kursus ijazah lanjutan ini. Segala ilmu yang saya perolehi akan saya curahkan sepenuhnya untuk perkhidmatan.

Akhir sekali saya rakamkan ribuan terima kasih kepada ibu, isteri dan anak-anak saya di atas kesabaran mereka menghadapi perlakuan saya dalam suasana genting sepanjang pengajian ini.

Sekian, terima kasih

KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN.....	ii
SENARAI JADUAL.....	vii
SENARAI RAJAH.....	viii
ABSTRAK.....	ix
ABSTRACT.....	xii
BAB	
I	
PENGENALAN	1
Maklumat Dan Pekerja Pengembangan.....	2
Hubungan Dalam MADA.....	4
Kenyataan Masalah	6
Objektif Kajian	8
Kepentingan Kajian	9
II	
SOROTAN LITERATUR	11
Maklumat Dalam Organisasi.....	11
Pengaliran Maklumat	12
Fungsi Maklumat	15
Pencarian Maklumat	18
Teori Pencarian Maklumat	22
Iklim Sebagai Penentu Pencarian Maklumat	27
Rangka Konsep Kajian	43
Jangkamasa Mencari Maklumat	44
Jangkamasa Menghubungi Sumber.....	45



III	METODOLOGI KAJIAN	47
	Lokasi Kajian	47
	Populasi Dan Persampelan	47
	Instrumen	48
	Pengukuran	48
	Angkubah Bersandar	49
	Angkubah Bebas	50
	Pra Uji	51
	Pengumpulan Data	52
	Catatan Harian	52
	Borang Soal Selidik.....	52
	Analisis Data	54
IV	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	56
	Latar Belakang Responden	56
	Jangkamasa Mencari Maklumat	58
	Jangkamasa Menggunakan Media Dan Kaedah Dalam Pencarian Maklumat	61
	Jangkamasa Menghubungi Sumber Dalam Pencarian Maklumat	64
	Iklm Komunikasi	69
	Komunikasi	
	Penglibatan Dalam Membuat Keputusan Dan Peranan Sebagai Pemimpin Pendapat.....	73
	Perkaitan Jangkamasa mencari Maklumat Dengan Penglibatan Dalam Membuat Keputusan Dan Peranan Sebagai Pemimpin Pendapat	77
	Perkaitan Jangkamasa Menghubungi Sumber Dan Komunikasi Menyokong Bersama Sumber.....	80

V	RINGKASAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	85
	Ringkasan	85
	Latar Belakang Masalah	85
	Objektif Kajian	87
	Metodologi Kajian	88
	Ringkasan Hasil Kajian	89
	Latar Belakang Responden	89
	Jangkamasa Mencari Maklumat	89
	Pemilihan Kaedah dan Media Dalam Pencarian Maklumat....	90
	Pemilihan Sumber Maklumat	91
	Komunikasi Menyokong	91
	Penglibatan Dalam Membuat Keputusan Dan Peranan Sebagai Pemimpin Pendapat	92
	Perkaitan Jangkamasa Pencarian Maklumat Dengan Penglibatan Dalam Membuat Keputusan Dan Peranan Sebagai Pemimpin Pendapat	92
	Perkaitan Jangkamasa Menghubungi Sumber Dan Komunikasi Menyokong	93
	Kesimpulan	94
	Implikasi Dan Cadangan	97
	Cadangan Untuk Kajian Akan Datang.....	101
	BIBLIOGRAFI	104
	LAMPIRAN:	
	A Senarai Kompleks Geraktani Dan Pertubuhan Kawasan Dalam Kawasan MADA	113
	B Catatan Harian	114
	C Borang Soal Selidik	120
	VITA	131

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1. Nilai α Mengikut Kategori Kenyataan Pengukuran Iklim Komunikasi	51
2. Kategori Komunikasi Menyokong, Penglibatan Dalam Membuat Keputusan Dan Peranan Sebagai Pemimpin Pendapat Mengikut Purata Skor.....	54
3. Rumusan Maklumat Perkhidmatan Dan Demografi Responden.....	57
4. Peratus Responden Mengikut Jangkamasa Mencari Pelbagai Jenis Maklumat.....	59
5. Peratus Responden Mengikut Jangkamasa Menggunakan Media Dan Kaedah Dalam Pencarian Maklumat.....	62
6. Peratus Responden Mengikut Jangkamasa Menghubungi Sumber Antara Perseorangan.....	66
7. Peratus Responden Mengikut Purata Skor Komunikasi Menyokong	70
8. Peratus Responden Mengikut Purata Skor Penglibatan Dalam Membuat Keputusan Dan Peranan Sebagai Pemimpin Pendapat	75
9. Ujian Korelasi Spearman Antara Jangkamasa Mencari Maklumat Dengan Penglibatan Dalam Membuat Keputusan Dan Peranan Sebagai Pemimpin Pendapat	78
10. Ujian Korelasi Spearman Antara Jangkamasa Menghubungi Sumber Dalam Pencarian Maklumat Dan Komunikasi Menyokong Dengan Sumber	81

SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
1. Rangka Konseptual Kajian.....	46

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk mendapatkan ijazah Master Sains

**PENCARIAN MAKLUMAT DAN IKLIM KOMUNIKASI
DI KALANGAN PEKERJA PENGEMBANGAN BARISAN HADAPAN
LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)**

Oleh

SYD ABDULLAH BIN SYD HASHIM

SEPTEMBER 1997

Pengerusi : Narimah Ismail , Ph.D

Fakulti: Ekologi Manusia

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui jangkamasa pencarian maklumat dan iklim komunikasi di kalangan pekerja pengembangan barisan hadapan (PPBH) MADA. Pengukuran iklim komunikasi menggunakan tiga penunjuk iaitu (1) penglibatan PPBH dalam membuat keputusan bersama pengurus dan pegawai pengembangan agensi lain (PPAL), (2) peranan PPBH sebagai pemimpin pendapat di kalangan rakan setugas dan peladang; dan (3) komunikasi menyokong di antara PPBH dengan sumber maklumat. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat perkaitan di antara jangkamasa mencari maklumat dengan penglibatan membuat keputusan dan peranan sebagai pemimpin pendapat; dan perkaitan di antara jangkamasa menghubungi sumber maklumat yang terdiri dari pengurus, PPAL, rakan setugas dan peladang dengan komunikasi menyokong PPBH bersama sumber tersebut.



Kesemua PPBH iaitu seramai 81 orang telah dikenalpasti sebagai responden tetapi kadar respons adalah 89 peratus. Analisis dilakukan berdasarkan respons ini iaitu seramai 72 orang responden. Responden diminta mencatatkan aktiviti pencarian maklumat selama enam hari bagi mengukur jangkamasa mereka mencari pelbagai jenis maklumat, menghubungi sumber dan penggunaan kaedah dan media. Responden juga diminta mengisi sendiri borang soal selidik bagi tujuan mengukur iklim komunikasi mereka dengan pengurus, rakan setugas, PPAL dan peladang. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan program SPSS (WIN) untuk mendapatkan peratus, purata dan sisihan lazim. Korelasi Spearman digunakan untuk melihat perkaitan di antara jangkamasa mencari maklumat dan jangkamasa menghubungi sumber dengan iklim komunikasi.

Hasil kajian menunjukkan responden kurang mengutamakan aktiviti pencarian maklumat berbanding dengan aktiviti lain. Walau bagaimanapun di antara maklumat yang dicari, mereka lebih berminat mendapatkan maklumat pengeluaran berbanding dengan maklumat mengekalkan hubungan dan inovasi. Pengawai MADA, peladang dan rakan setugas merupakan sumber maklumat utama kepada responden. Selain dari itu, responden juga menggunakan kaedah bersemuka dalam masa yang panjang berbanding penggunaan telefon dan bahan cetak untuk mendapatkan maklumat. Jangkamasa responden mencari maklumat mempunyai kaitan yang positif dengan penglibatan mereka dalam membuat keputusan bersama pengurus dan PPAL dan peranan mereka sebagai

pemimpin pendapat di kalangan rakan setugas dan peladang. Jangkamasa menghubungi sumber seperti pengurus, rakan setugas dan peladang mempunyai perkaitan yang positif dengan komunikasi menyokong mereka bersama sumber tersebut. Sementara jangkamasa responden menghubungi PPAL tidak mempunyai perkaitan yang bermakna dengan komunikasi menyokong mereka bersama pegawai tersebut.

Abstract of a thesis submitted to the Senate of Universiti Putra Malaysia in partial fulfillment of the requirements for the degree of Master of Science

**INFORMATION SEEKING AND COMMUNICATION
CLIMATE AMONG FRONT LINE EXTENSION WORKERS OF MUDA
AGRICULTURE DEVELOPMENT AUTHORITY (MADA)**

By

SYD ABDULLAH BIN SYD HASHIM

SEPTEMBER 1997

Chairman: Narimah Ismail, Ph.D

Faculty: Human Ecology

This research was conducted to determine the duration of information seeking and communication climate among front line extension workers (FLEW) of MADA. Communication climate was measured by using three indicators; (1) participative decision making of FLEW with managers and extension agents from other agency (EAOA); (2) the role of FLEW as opinion leader among peers and farmers; and (3) supportive communication between FLEWs and source of information. The study also examined the relationship between the duration of information seeking and participative in decision making and role as opinion leader ; and relationship between the duration of contacting sources of information and supportive communication of FLEW with managers, peers, EAOA and farmers as sources of information.



A total of 81 FLEW in MADA area were identified as the respondents, but response rate was 89 percents. Analysis was based on complete responses given by 72 respondents. The respondents were asked to record their activities in the diary for six days to measure the time they spent seeking various types of information, contacting the source of information and using various types of media and method for information seeking. A self-administered questionnaire was used to measure the communication climate of respondents with managers, peers, EAOA and farmers. The data were analyzed using SPSS (WIN) programme to obtain percentages and standard deviation. Spearman correlation was used to determine the relationship between information seeking and communication climate.

The result shows that the respondents spent less time seeking information as compared to other activities. However among the information sought, production information were sought more compared to innovation and relationship maintenances information. MADA officers, peers and farmers were rated as the main sources of information by the respondents. The respondents spent more time in face to face communication as compared to using media such as telephone and printed media in seeking the information. There were positive relationships between duration of information seeking and participation of FLEWs in decision making with managers and

EAOA and the role of FLEW as opinion leader among the farmers and peers. The result shows that there were positive relationships between time spent contacting managers, farmers and peers and supportive communication. However there was no relationship between time spent contacting the EAOA and supportive communication between FLEW and the officers .



BAB 1

PENGENALAN

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) telah ditubuhkan pada tahun 1974 dengan peranan utama sebagai agensi pengembangan dalam pembangunan sosio ekonomi peladang di kawasan pertanian Muda (MADA,1984). Sebagai sebuah agensi pengembangan, MADA terlibat dalam perancangan, penyelarasan dan penilaian program pembangunan yang mengutamakan pemindahan teknologi dari pusat penyelidikan atau agensi pembangunan lain kepada peladang. Peranan ini dilaksanakan oleh seramai 1,227 orang kakitangan yang ditempatkan di Ibu Pejabat, Pejabat Daerah dan Kompleks Geraktani (MADA,1994). Kompleks Geraktani menjadi nadi dalam menggerakkan aktiviti pengembangan MADA kerana kompleks tersebut merupakan tempat pertemuan peladang dengan pegawai atau pekerja pengembangan (Syed Ahmad dan Ho,1982).

Kompleks Geraktani ditadbir oleh seorang pengurus dengan bantuan enam orang pembantu pertanian. Tiga daripada mereka memainkan peranan sebagai pekerja pengembangan. Tugas utama pembantu pertanian adalah sebagai wakil MADA untuk bertemu secara terus dengan peladang. Maimunah (1989) menamakan pekerja



pengembangan yang berperanan sedemikian sebagai Pekerja Pengembangan Barisan Hadapan (PPBH). Pada masa ini terdapat seramai 81 orang PPBH yang berkhidmat di 27 buah kompleks Geraktani (MADA, 1995).

Maklumat Dan Pekerja Pengembangan

Pekerja pengembangan memainkan peranan sebagai pembimbing, pendidik, penghubung sumber dan pentadbir (Beal, 1981). Dalam melaksanakan tugas tersebut, PPBH menjadi perantara untuk menyampaikan maklumat dari pusat penyelidikan kepada peladang (Haverlock, 1973). Di samping itu, PPBH juga memerlukan maklumat untuk kegunaan mereka sendiri seperti maklumat untuk memperbaiki mutu perkhidmatan dan maklumat pentadbiran. Kepentingan maklumat kepada PPBH telah dibuktikan oleh Mohd Zuber (1996) yang mendapati kakitangan MADA mengakui bahawa pengaliran maklumat yang baik adalah faktor utama menentukan pencapaian matlamat MADA.

Menyedari kepentingan ini, MADA telah membekalkan maklumat kepada PPBH dengan menggunakan pelbagai kaedah dan melalui pelbagai saluran atau media. Bahagian Pertanian MADA, menerbitkan “Bulletin Pengembangan” setiap bulan bagi menyampaikan maklumat teknikal pertanian kepada PPBH. Di samping itu, MADA mengadakan kursus, menerbitkan risalah dan pamflet untuk tujuan yang sama. Dalam tahun 1994, MADA telah mengadakan 57 kursus untuk menyampaikan maklumat kepada kakitangannya (MADA, 1994).

Dalam pelaksanaan kempen pembasmian bena perang, MADA telah mengedarkan risalah, pamflet dan poster mengenai perosak tersebut kepada PPBH. Dalam melaksanakan tugas rutin, PPBH mendapatkan maklumat melalui mesyuarat mingguan dengan pengurus Kompleks Geraktani dan mesyuarat bulanan bersama pegawai-pegawai dari Pejabat Daerah. Selain itu, melalui sistem lawatan dan latihan (2L), PPBH mendapat maklumat daripada pakar rujuk (Subject Matter Specialist) yang terdiri daripada pegawai di Ibu Pejabat dan Pejabat Daerah (Ho,1981).

Dalam realiti, penyebaran maklumat di MADA tidak meliputi semua PPBH dan kandungan maklumat yang diperolehi adalah terhad. Daripada laporan susulan penyebaran maklumat oleh Bahagian Pertanian MADA, didapati 88 peratus PPBH menerima risalah yang diedarkan dan 32 peratus daripadanya mengatakan bahawa mereka memerlukan maklumat lanjut (MADA,1990). Kegagalan untuk menyampaikan maklumat pada kuantiti dan kualiti yang mencukupi kepada semua PPBH menyebabkan PPBH berada dalam suasana kekurangan maklumat. Bagi mengatasi masalah kekurangan maklumat ini, PPBH perlu mencari maklumat.

Secara umumnya, MADA telah menjadikan pencarian maklumat sebagai salah satu tugas utama PPBH. Berdasarkan fail meja Juruteknik Pertanian (Pengembangan) yang dikeluarkan oleh MADA (1992), langkah utama yang perlu diambil oleh PPBH setelah menerima arahan daripada pihak atasan adalah mencari maklumat lanjut untuk melaksanakan tugas tersebut. Berdasarkan fail meja yang sama, Pegawai Pertanian

Daerah dan Pengurus Kompleks Geraktani merupakan di antara individu yang perlu dihubungi dalam usaha mendapatkan maklumat. Sementara itu berdasarkan laporan Bahagian Pertanian MADA(1990), PPBH turut mendapatkan maklumat dari rakan setugas mereka.

Kesimpulannya, PPBH perlu mencari maklumat daripada pelbagai sumber untuk melaksanakan tugas mereka. Dalam situasi di MADA masa kini, rakan setugas dan pegawai MADA merupakan sumber maklumat yang penting kepada PPBH. Namun begitu, MADA tidak menghalang PPBH mendapatkan maklumat daripada pegawai-pegawai agensi pembangunan lain. Kecenderungan PPBH menjadikan rakan setugas dan pegawai MADA yang lain sebagai sumber maklumat (MADA,1990) seolah-olah mempunyai kaitan dengan hubungan yang rapat antara mereka dengan sumber tersebut.

Hubungan Dalam MADA

MADA telah menggunakan pelbagai strategi pengembangan berasaskan tindakan kumpulan (Afifudin,1975). Bermula dari pendekatan lawatan dan latihan (2L), kemudian berkembang kepada pendekatan kempen penerangan strategik dan kini MADA menggunakan pendekatan 'key informant'. Kesemua pendekatan ini mengutamakan matlamat untuk membentuk hubungan yang rapat di antara pihak yang terlibat dalam aktiviti pengembangan tersebut. Pendekatan tindakan kumpulan menekankan hubungan baik di antara peladang dengan peladang dan peladang dengan agen pengembangan.

Pendekatan 2L menekankan hubungan yang baik di antara agen pengembangan dengan sumber maklumat (pakar rujuk), agen pengembangan dan peladang (Ho,1981). Pendekatan “key informant” pula memberi peluang kepada peladang yang telah berjaya untuk menjadi agen perubahan. Melalui pendekatan ini, MADA menjangkakan dapat mewujudkan hubungan yang rapat di antara peladang dengan peladang. Pembentukan hubungan yang rapat diharapkan dapat mempercepatkan pemindahan teknologi (Kamarudin,1994).

Salah satu daripada cara untuk membentuk hubungan rapat di antara individu-individu adalah melalui penglibatan mereka dalam aktiviti pengembangan yang dijalankan. Oleh itu, MADA menggalakkan peladang terlibat dalam perancangan, pelaksanaan dan penilaian aktiviti-aktiviti tersebut (Syed Ahmad dan Ho,1982). Bagi mencapai matlamat yang sama, PPBH juga digalakkan menyertai aktiviti-aktiviti sosial masyarakat peladang seperti penubuhan khairat kematian dan menganjurkan majlis agama (Ho,1977). Melalui penglibatan ini mereka akan saling berkomunikasi dan berinteraksi. Suasana komunikasi yang terbentuk melalui proses penglibatan tersebut merupakan sebahagian daripada iklim komunikasi (Falcione et al.,1984)

Secara umumnya, MADA mengharapkan iklim komunikasi yang baik akan terbentuk di antara pusat penyelidikan, PPBH dan peladang melalui penglibatan mereka di dalam program pengembangan yang dilaksanakan. Iklim komunikasi yang baik ini diharapkan dapat menggalakkan pemindahan teknologi kepada peladang.

Kenyataan Masalah

Proses penyerapan inovasi melibatkan proses komunikasi (Roger, 1983). Proses komunikasi ini mengandungi pemberian dan penerimaan maklumat. Oleh kerana PPBH menjadi perantara yang menghubungkan peladang dengan pusat penyelidikan dalam proses penyerapan inovasi, maka mereka perlu terlibat dalam proses komunikasi. Mereka perlu menerima dan menyebarkan maklumat daripada dan kepada peladang, agen pusat penyelidikan dan sesama PPBH yang lain. Di samping itu mereka juga memerlukan maklumat untuk memperbaiki mutu perkhidmatan dan mengekalkan hubungan baik dengan individu lain yang terlibat dalam kerja pengembangan.

Dalam konteks MADA, PPBH perlu memiliki maklumat untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan kepada mereka. Pada masa kini, terdapat perbezaan kuantiti dan kualiti maklumat yang diterima oleh PPBH (MADA, 1990). Keadaan tersebut memaksa PPBH mencari maklumat untuk memenuhi keperluan mereka. Persoalannya, sebanyak mana PPBH menggunakan masa berkerja mereka untuk mencari maklumat? Dari sumber mana maklumat tersebut di perolehi? Apakah kaedah atau media yang digunakan dan apakah jenis-jenis maklumat yang mereka cari?

Dalam melaksanakan aktiviti pengembangan, MADA mengutamakan pembentukan hubungan atau iklim komunikasi yang baik di antara individu-individu yang terlibat. Iklim komunikasi ini diharapkan dapat dicapai melalui penglibatan peladang, PPBH dan kakitangan agensi lain dalam perancangan, pelaksanaan dan

penilaian aktiviti-aktiviti pengembangan. MADA juga mengharapkan iklim komunikasi yang baik dapat terbentuk dengan penglibatan PPBH dalam aktiviti sosial peladang.

Penglibatan dalam membuat keputusan merupakan salah satu daripada peringkat dalam keseluruhan proses penglibatan (Cohen dan Uphoff, 1977). Proses membuat keputusan mengandungi aktiviti-aktiviti memberi idea, membincang dan memilih alternatif yang paling baik. Manakala apabila seseorang individu hanya dirujuk untuk mendapatkan pandangan dalam membantu individu lain membuat keputusan, individu tersebut dikenali sebagai pemimpin pendapat (Rogers dan Shoemaker, 1971). Secara umumnya, dalam hubungan PPBH dengan pengurus atau pegawai agensi lain, mereka terlibat bersama dalam membuat keputusan. Sementara dalam hubungan dengan peladang atau rakan setugas mereka memainkan peranan sebagai pemimpin pendapat. Persoalannya, setelah hampir tiga dekad MADA menggunakan pendekatan pengembangan yang mengutamakan penglibatan, tiada kajian empirikal dijalankan untuk menilai tahap penglibatan PPBH dalam membuat keputusan bersama pengurus dan pegawai agensi lain, atau sejauh manakah mereka telah memainkan peranan sebagai pemimpin pendapat di kalangan rakan setugas dan peladang.

Dalam melaksanakan tugas, PPBH perlu terlibat dalam membuat keputusan dan penglibatan ini memerlukan mereka memiliki maklumat. Oleh itu, mereka dipertanggungjawabkan oleh MADA untuk mencari maklumat bagi melaksanakan tugas tersebut. Sebagai pemimpin pendapat mereka juga dipertanggungjawabkan untuk

mencari maklumat untuk membantu individu lain membuat keputusan. Persoalannya apakah penglibatan PPBH dalam membuat keputusan dan memainkan peranan sebagai pemimpin pendapat mempunyai kaitan dengan pencarian maklumat di kalangan mereka?

Dalam konteks MADA, Mustaffa dan Kamarudin (1995) menjangkakan hubungan yang lemah di antara pusat penyelidikan, agen pengembangan dan peladang merupakan faktor penghalang kepada penerimaan dan penciptaan teknologi baru. Dalam erti kata lain, iklim komunikasi yang lemah merupakan penghalang kepada penyerapan inovasi. Oleh kerana penyerapan inovasi melibatkan proses pencarian dan penyebaran maklumat, apakah iklim komunikasi PPBH bersama individu lain mempengaruhi mereka untuk mencari maklumat? Komunikasi menyokong merupakan salah satu dimensi dalam iklim komunikasi (Redding, 1972). Persoalannya, apakah wujud perkaitan di antara komunikasi menyokong dengan pencarian maklumat tersebut?

Objektif Kajian

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk mengkaji pencarian maklumat di kalangan PPBH dan perkaitannya dengan iklim komunikasi.

Secara khususnya, penyelidikan ini bertujuan untuk mengetahui:-

1. Jangkamasa PPBH mencari pelbagai jenis maklumat, menghubungi sumber dan menggunakan kaedah dan media untuk mendapatkan maklumat tersebut.

2. Iklim komunikasi PPBH bersama pengurus, pegawai pengembangan agensi lain (PPAL), rakan setugas dan peladang.
3. Perkaitan di antara jangkamasa mencari maklumat dengan penglibatan PPBH dalam membuat keputusan bersama pengurus dan pegawai pengembangan agensi lain (PPAL) dan peranan mereka sebagai pemimpin pendapat di kalangan rakan dan peladang.
4. Perkaitan di antara jangkamasa PPBH menghubungi sumber maklumat dengan komunikasi menyokong.

Kepentingan Kajian

Dalam program pengembangan, MADA begitu mementingkan hubungan baik di antara pekerja pengembangan, pusat penyelidikan dan peladang. Pada masa yang sama juga MADA berusaha untuk menyampaikan seberapa banyak maklumat kepada kakitangan. Diharapkan hasil kajian ini boleh membantu pihak MADA merangka polisi atau peraturan untuk menggalakkan pegawai agensi mencari maklumat. Berdasarkan hasil kajian ini juga, MADA boleh mengukur keberkesanan penyampaian maklumat kepada kakitangan melalui media dan kaedah yang digunakan kini. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu MADA untuk menilai sejauh mana usaha mengeratkan hubungan di antara individu yang terlibat dengan kerja pengembangan telah berjaya dilaksanakan.